

17 APR 2001

MAHATHIR-RINGGIT

MATAWANG SERANTAU YANG RENDAH TIDAK MENDESAK RINGGIT DITAMBAT SEMULA

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak saranan bahawa ringgit kini terlebih nilai dan berkata matawang Malaysia tidak akan tertekan sehingga terpaksa ditambat semula ekoran penyusutan nilai matawang serantau.

Beliau berkata hakikat bahawa Malaysia masih mampu untuk bersaing di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa ia tidak terlebih nilai.

"Ringgit boleh dikatakan terlebih nilai sekiranya negara tidak mampu bersaing di peringkat global," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata matawang serantau yang lain tidak dijangka akan naik atau jatuh lebih daripada 20 peratus dan kekal (di situ).

"Malah sekiranya mereka menjadi demikian, mereka akan balik ke tempat di mana mereka sebelumnya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kelembapan ekonomi akan memberi kesan kepada setiap ekonomi dalam dunia dengan maksud mereka mengurangkan import "tetapi ia tidak menghendaki penetapan semula di sini."

"Malah sekiranya kita menambat semula dengan lebih rendah bagi menjadikan barang-barang murah dan kompetitif, ia tidak akan menjadi pasaran yang baik bagi produk kita dan perkhidmatan jika permintaan dari Amerika Syarikat dan ekonomi-ekonomi bergantung kepada kitaran menurun," katanya.

Ringgit kini ditetapkan pada RM3.80 setiap dolar Amerika dan banyak industri telah menggesa kerajaan untuk mengekalkan tambatan itu setelah ia member kestabilan matawang serta membantu mereka mengawal kos dan harga bagi jangka masa panjang.

Sementara itu, pada majlis yang berasiangan, Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER), berkata kini bukan masanya untuk penetapan semula nilai ringgit.

Tindakan demikian boleh dipertimbangkan apabila ekonomi meningkat pada kira-kira 6.0 peratus dan apabila matawang serantau stabil, kata kumpulan pakar-pakar persendirian itu.

MIER berkata idea menambat semula nilai ringgit itu adalah baik semasa krisis kerana ia mengurangkan ketidak pastian dan memberi kestabilan. --

BERNAMA

MFZ MR MFJ NHD OS